

KEPENTINGAN AL-QASAS DALAM AL-QURAN

KHAIRUNNISA ISMAIL

[khai runnisa@kuis.edu.my](mailto:khairunnisa@kuis.edu.my)

Faculty of Islamic Civilisation Studies
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu analisis terhadap kepentingan al-qasas al-Quran. Pembicaraan mengenai kemukjizatan al-Quran, sebenarnya adalah dengan melihat keseluruhan aspek al-Quran termasuk bahasa, isi kandungan, nilai dan sebagainya. Justeru, al-Quran merupakan sebuah kitab yang lengkap dan sempurna dari segenap aspek. Ini termasuk metode penyampaian yang digunakan. Antaranya ialah penggunaan al-qasas atau metode penceritaan. Keistimewaan al-qasas atau cerita dalam al-Quran bukan terletak pada watak atau plot atau latarnya tetapi nilainya adalah pada ketinggian dan kemuliaan matlamatnya. Rangkuman aspek-aspek akhlak yang cukup luas dengan nilai-nilai adab dan hikmah serta pengajaran sesekali diselanggseli dengan unsur-unsur ancaman dan peringatan begitu meruntun jiwa.

Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji kepentingan qasas al-Quran dalam mencapai maqasid al-Quran. Untuk itu, kajian ini menghuraikan definisi, fungsi dan kategori qasas al-Quran.

Kata Kunci: Mukjizat al-Quran, Maqasid al-Quran, Qasas al-Quran

1.0 Pendahuluan

Al-Quran sebagai wahyu Allah SWT yang turun sebagai mukjizat Rasul-Nya, merupakan sebuah kitab yang lengkap dan sempurna merangkumi segenap aspek kehidupan insan. Hal ini bersesuaian dengan maqasid al-Quran sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Ghazali, bahawa matlamat penurunan al-Qur'an ialah mengenal Allah, mengenal jalan yang lurus, penjelasan bagaimana keadaan setelah mencapai hal tersebut, gambaran tentang umat yang taat dan beriman, gambaran umat yang membangkang, mengajarkan jalan yang tepat menuju Allah. Tiga yang pertama merupakan asas dan tiga berikutnya merupakan pelengkap. (Al-Ghazali, 1990)

Oleh itu, pembicaraan mengenai kemukjizatan al-Quran, sebenarnya adalah dengan melihat keseluruhan aspek al-Quran termasuk bahasa, isi kandungan, nilai dan metode penyampaian. Antara metode penyampaian yang digunakan oleh al-Quran ialah metode *al-qasas* (القصص).

2.0 Definisi *al-Qasas* dan Perbezaannya Dengan *Qisas*

قَالَ ذَلِكَ مَا كُنَّا تَبْغُ فَلَرْتَدًا عَلَىٰ عَاثِرٍ هُمَا قَصَصًا

Definisi yang diberikan oleh para ahli bahasa berhubung perkataan *al-qasas* ini sangat banyak dan pelbagai. Antara yang relevan dengan kajian ini ialah definisi yang diberikan oleh al-Layth dan al-Azhari. *Al-Qasas* atau kisah-kisah merupakan kata terbitan daripada kata kerja (قص - يقص - قصصا). Menurut al-Layth, *al-qassu* dari segi bahasa ialah ertinya

mengikut jejak. Oleh itu, jika dikatakan (خرج فلان قصصا في أثر فلان) bermaksud si fulan mengikuti jejak si fulan iaitu mengikuti jejak sahabatnya. Ia juga boleh dertiakan sebagai memberitakan tentang satu berita kepada orang lain.(Ibn Manzur, 1997 & al-Asfahani, 1961) Firman Allah SWT:

Ertinya: Nabi Musa berkata: "Itulah yang kita kehendaki "; merekapun balik semula ke situ, dengan menurut jejak mereka.

Surah al-Kahfi (18): 64

Oleh itu, *qasas* al-Quran ialah kisah atau cerita atau pemberitahuan al-Quran berhubung umat dahulukala, kisah para nabi, dan peristiwa-peristiwa terdahulu menerusi metode yang tersendiri. Walau bagaimanapun, al-Quran tidak menjadikan sejarah sebagai tujuan pengisahan sebaliknya ia cuba mempengaruhi pembaca, menyentuh jiwa serta hati pendengar untuk objektifnya yang tertentu. Malah ia merupakan salah satu bentuk *i'jaz* al-Quran yang menjadi justifikasi bahawa al-Quran itu ialah wahyu Allah. ('Afif Abdul Fattah Tabbarah, 1989, Ibrahim Awdayn, 1990, Manna' Qattan, 1997, Muhammad Ahmad Khalafullah, 1999)

Manakala *al-qisas* ialah kata *jamak* kepada *al-qissah* (القصة) yang berasal daripada perkataan (قص - يقص - قصص) iaitu sesuatu yang ditulis dan disampaikan. (Ibn Manzur, 199, Salah al-Khalidi, 1998 dan Ibn Taymiyyah, t.t.)

Apabila kita merujuk kepada penggunaan *al-qasas* dari aspek terminologi di dalam al-Quran, maka *al-qasas* boleh didefinisikan sebagai perkara atau cerita (Ibn Manzur, 1997) sebagaimana firman Allah SWT.:

نَحْنُ نَقْصُ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ

Ertinya: Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah ...

Surah Yusuf (12): 3

Menurut Ibn Taymiyyah, القصص di dalam ayat di atas mempunyai dua pengertian. Pertama jika ia mengambil tempat kata terbitan, ia akan memberi erti sebaik-baik penceritaan atau sebaik-baik keterangan. Kedua jika ia mengambil tempat *maf'ul bih* (kena buat), أحسن القصص) di dalam ayat di atas bermaksud sebaik-baik yang diceritakan. Walau bagaimanapun, melihat

فَلَمَا جَاءَهُ وَقَصَّ عَلَيْهِ الْقَصَصِ

kepada konteks ayat, pengertian yang kedua lebih sahih sebagaimana penggunaannya dalam ayat-ayat yang lain (Ibn Taymiyyah, t.t.) seperti firman Allah SWT:

Ertinya: ... Maka ketika Musa datang mendapatkannya dan menceritakan kepadanya kisah-kisah kejadian yang berlaku (mengenai dirinya) ...

Surah al-Qasas (28): 25

Al-Qassu juga boleh dierangkan sebagai menerangkan atau memberitakan tentang satu berita kepada orang lain (Al-Khatib, t.t) sebagaimana firman Allah SWT:

نَحْنُ نَقْصُ عَلَيْكَ نَبَأْهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ عَامَّوْا بِرَبِّهِمْ وَرِدَنَّهُمْ

هُدَى ١٣

Ertinya: Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk.

Surah al-Kahfi (18): 13

Jika diteliti dari aspek sumber cerita, al-Quran kadangkala menyandarkan *al-qasas* kepada Allah SWT. Ia sebagai pernyataan bahawa Allah adalah sumber yang memberitakan kepada

وَرُسُلًا لَا قَدْ قَصَصْنَاهُمْ عَلَيْكَ مِنْ قَبْلِ وَرُسُلًا لَّمْ
نَقْصَصْنَاهُمْ عَلَيْكَ وَكَلَمَ اللَّهِ مُوسَى تَكْلِيمًا ١٦

rasul-Nya mengenai *qasas* al-Quran (Al-Khalidi, 1998) sebagaimana firman Allah SWT:

Ertinya: Dan (Kami telah mengutuskan) beberapa orang Rasul yang telah Kami ceritakan kepadamu dahulu sebelum ini, dan Rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan hal mereka kepadamu. Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan).

Surah al-Nisa' (4): 164

Kadangkala penyandaran *al-qasas* adalah kepada para rasul AS yang menyampaikan ayat-ayat Allah SWT kepada insan dan kadangkala kepada al-Quran. (Al-Khalidi, 1998) Perkara

يَدْعَشَرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ أَلَّمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنْكُمْ يَقْصُّونَ عَلَيْكُمْ عَائِدِتِي
وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَاءَ يَوْمَكُمْ هَذَا

ini boleh dilihat menerusi firman Allah SWT:

Ertinya: Wahai sekalian jin dan manusia! Bukankah telah datang kepada kamu Rasul-rasul dari kalangan kamu sendiri, yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayat-Ku (perintah-perintah-Ku),

dan yang memberikan amaran kepada kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (kiamat) ini? ...

Surah al-An'am (6): 130

إِنَّ هَذَا الْقُرْءَانَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَكْثَرَ الَّذِي هُمْ فِيهِ

يَخْتَلِفُونَ

၇၁

Ertinya: Sesungguhnya Al-Quran ini menceritakan kepada Bani Israil (perkara yang sebenar-benarnya) mengenai kebanyakan (hal-hal ugama) yang mereka berselisihan padanya.

Surah al-Naml (27): 76

Berdasarkan keterangan tersebut, kita boleh simpulkan *qasas* al-Quran ialah pemberitahuan al-Quran sama ada mengenai umat dahulukala, kisah para nabi, atau peristiwa-peristiwa terdahulu (Ibrahim Awdayn, 1990 dan Manna' Qattan, 1997) yang mempunyai sumber yang jelas iaitu Allah dan Rasul-Nya yang amat bertepatan dengan pengertian *al-qasas* dari aspek bahasa (الأخبار المتبعة) iaitu sesuatu yang boleh dijejaki.

Satu perkara yang perlu diambil perhatian ialah terdapat perbezaan yang besar antara penggunaan perkataan *qasas* al-Quran yang sedang kita bicarakan dan *qisas* yang dimuatkan oleh para mufasir dalam kitab tafsir mereka. *Qasas* al-Quran ialah sesuatu yang hak dan tiada keraguan padanya. Akan tetapi *qisas* mengandungi unsur-unsur yang bercampur antara yang hak dan batil. Ia digunakan secara meluas di kalangan para mufasir sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ibn Khaldun menerusi mukadimah tafsirnya.(Ibn Khaldun, 1995) Menerusi *qisas* inilah, unsur-unsur yang disebut sebagai *al-dakhil* termasuk *Isra'iliyyat* menyelinap ke dalam pentafsiran al-Quran.

Oleh itu, tidak hairanlah jika sesetengah pengkaji cuba untuk mengelakkan diri daripada menyentuh aspek *qisas*. Berkemungkinan perkara ini bertitik-tolak daripada kenyataan yang diberikan oleh Ibn Hanbal yang mengatakan:

Tiga perkara yang tiada sumber padanya ialah tafsir yang dipenuhi oleh unsur-unsur yang batil, *al-Malahim* (pertempuran) dan *al-Maghazi* (kepahlawanan) yang masih memerlukan penapisan. (Al-'Ak, 1994)

Akan tetapi kita cuba bersangka baik dengan Ibn Hanbal apabila kita beranggapan bahawa kenyataannya itu adalah merujuk kepada *al-dakhil* yang menyerap ke dalam tafsir al-Quran. Ini kerana kita tidak menolak bahawa di dalam tafsir al-Quran memang terdapat keterangan berhubung Rasulullah SAW. dan sahabat baginda. (Al-'Ak, 1994)

Menurut al-Syatibi *qasas* al-Quran bukanlah bertujuan menelusuri sejarah ummah atau individu sebaliknya ia berfungsi sebagai pengajaran kepada manusia (Muhammad Rashid Reda, 1959) sebagaimana firman Allah SWT:

وَكُلَّا نَقْصَنْ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا تُشِيدُ بِهِ فُوَادُكَ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ
الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Ertinya: Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman.

Surah Hud (11): 120

Justeru sekalipun terdapat fakta sejarah yang dijelaskan menerusi *qasas* al-Quran, ia tidak disebut berdasarkan kronologi sejarah dan tidak diperincikan tarikh, masa, tempat dan individu yang terlibat. Walau bagaimanapun, keterangan ini tidak menolak wujudnya elemen sejarah dalam *qasas* tetapi ia hanyalah dalam jumlah yang sedikit sebagai pengajaran kepada manusia supaya dapat memanfaatkan sejarah. (Bakri Syeikh Amin, 1980 dan al-'Ak, 1994)

3.0 Pembahagian Aspek al-Qasas Dalam al-Quran

Al-Qasas di dalam al-Quran terdiri daripada tiga kategori utama iaitu kisah hidup para nabi, paparan kisah umat dahulu kala dan peristiwa yang berlaku ketika hayat Baginda SAW.

3.1 Kisah Para Nabi

Kategori ini mengandungi himpunan kisah suka dan duka para nabi dan rasul dalam menjalankan misi dakwah terhadap kaum mereka, sikap orang-orang yang memusuhi mereka, marhalah dakwah dan perkembangannya serta ganjaran dan balasan yang diterima oleh golongan yang mempercayai dan mengingkari kenabian. Turut dimuatkan dalam kategori ini ialah mukjizat yang dikurniakan oleh Allah SWT. kepada mereka sebagai justifikasi bahawa mereka adalah utusan Allah SWT. Misalnya kisah dakwah Nabi Nuh AS kepada kaumnya (Surah al-A'raf (7): 7), perihal ketinggian darjat Nabi Ibrahim AS (Surah al-Baqarah (2): 124-141), peristiwa Nabi Musa AS dihanyutkan di sungai oleh ibunya dan kisah Nabi Musa AS dengan Firaun (Surah al-Qasas (28): 1-31), peristiwa Nabi Daud AS membunuh Jalut (al-Baqarah (2): 251) dan kisah *isra'* Nabi Muhammad SAW (Surah al-Isra' (17): 1). Kisah mereka dirakam oleh Allah SWT dalam bentuk cerita dengan menggunakan pelbagai uslub (Manna' Qattan, 1997)

3.2 Kisah Umat Dahulu Kala

Kategori ini memaparkan kisah-kisah yang berhubungan dengan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa lalu dan orang-orang yang tidak dapat dipastikan kenabiannya. (Manna' Qattan, 1997) Contohnya kisah orang-orang yang keluar dari kampung halaman kerana takut mati (Surah al-Baqarah (2): 243), kisah Habil dan Qabil (Surah al-Ma'idah (5): 27-31), penghuni gua (Surah al-Kahfi (18): 10), Zulkarnain (Surah al-Kahfi (18): 84), orang-orang yang menangkap ikan pada hari Sabtu (Surah al-Baqarah (2): 65), Maryam (Surah Maryam (19)), *ashab al-ukhdud* (Surah al-Buruj (85): 4-11), dan *ashab al-fil* (Surah al-Fil (105): 1-5).

3.3 Peristiwa Yang Berlaku Ketika Hayat Baginda SAW

Kategori ini menyingkap peristiwa-peristiwa peperangan yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW (Manna' Qattan, '1997) seperti perang Badar dan Uhud yang dijelaskan dalam Surah 'Ali 'Imran, perang Hunayn dan Tabuk yang dipaparkan menerusi Surah al-Tawbah, perang 'Ahzab dalam Surah al-'Ahzab, peristiwa hijrah(Ali 'Imran (3): 195), dan Isra' (Surah al-Isra' (17): 1) dan lain-lain lagi.

4.0 Metode Penyampaian *Qasas* Dalam al-Quran

Ketiga-tiga kategori *al-qasas* tersebut disampaikan kepada pembaca dengan menggunakan metode sejarah dan perumpamaan.

4.1 Metode Sejarah

Metode ini digunakan oleh al-Quran bagi menceritakan tokoh-tokoh sejarah seperti para nabi dan rasul serta beberapa kisah yang diyakini orang-orang terdahulu sebagai realiti sejarah. Al-Quran dalam membentangkan kisah sejarah lebih menekankan aspek pengajaran dan iktibar berbanding aspek-aspek *juz'iyyah* seperti tarikh berlaku sesuatu peristiwa, watak-watak yang terlibat, latar yang merakam peristiwa atau plot sesuatu peristiwa.

Menurut Muhammad Khalafullah, al-Quran menggunakan model sastera sejarah dalam menyampaikan sesuatu kisah dengan memuatkan sumber-sumber sejarah tetapi ditampilkan dengan gaya deskripsi sastera yang sarat dengan sentuhan-sentuhan jiwa untuk menerangkan makna tertentu tetapi masih mempertahankan substansi atau nilai pengisahan.(Muhammad

كَذَّبُتْ عَادٌ فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرٍ ﴿١٨﴾ إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا
صَرَصَرًا فِي يَوْمٍ تَحْسِ مُسْتَمِرٍ ﴿١٩﴾ تَنْزَعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازٌ تَخْلِي
مُنْقَعِرٍ ﴿٢٠﴾ فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرٍ

Ahmad Khalafullah, 1999) Contohnya firman Allah SWT.:

Ertinya: (Demikian juga) kaum Aad telah mendustakan Rasulnya (lalu mereka dibinasakan); maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azabku dan kesan amaran-amaranKu!

Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang kencang, pada hari nahtas yang berlanjutan; -

Yang menumbangkan manusia gugur bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbongkar.

Maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azabKu dan kesan amaran-amaranKu!

Surah al-Qamar (54): 18-21

4.2 Metode Perumpamaan

Metode perumpamaan atau permisalan ini adalah sebuah kisah yang dijadikan contoh atau sengaja dibuat oleh al-Quran sebagai misal. Kebiasaan al-Quran menggunakan metode

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي أَسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا آتَيْتَهُمْ مَا حَوْلَهُ وَذَهَبَ اللَّهُ
بِئُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلْمَتِ لَا يُبَصِّرُونَ

ini bagi menerangkan sesuatu perkara atau nilai-nilai. Ia termasuk juga dalam kategori kisah sastera. .(Muhammad Ahmad Khalafullah, 1999) Contohnya firman Allah SWT.:

Ertinya: Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).

Surah al-Baqarah (2): 17

Al-Zamakhsyari sewaktu menjelaskan hal ini menyatakan metode ini adalah hasil khayalan yang sengaja digunakan oleh al-Quran kerana ia memiliki pengaruh yang besar dalam jiwa manusia berbanding penggunaan fakta yang nyata. Selain itu, ia juga sebagai justifikasi bahawa penurunan al-Quran adalah bersesuaian dengan jiwa manusia yang sering khayal.

Kenyataan ini diperkuatkan oleh Muhammad Abduh apabila beliau mengatakan metode perumpamaan dalam bentuk soal-jawab atau melalui sebuah cerita merupakan satu metode yang sangat efektif bagi menjelaskan sesuatu persoalan. Ia mempunyai pengaruh yang kuat kepada pendengar sehingga mereka tertarik untuk mengetahui makna di sebalik perumpamaan tersebut.(Muhammad Rasyid Rida, 1959)

Terdapat satu lagi metode yang dinyatakan oleh Muhammad Ahmad Khalafullah sebagai kaedah yang digunakan oleh al-Quran iaitu metode asatir yang mempunyai perbezaan dengan dua metode yang terdahulu kerana sejarah adalah fakta yang disampaikan dalam bentuk sastera dan perumpamaan ialah khayalan yang tidak terdapat dalam realiti kehidupan. Ia bukan berfungsi sebagai tujuan kisah sebaliknya ia merupakan instrumen kisah untuk menarik minat pendengarnya. Walau bagaimanapun, tidak semua mufasir menggunakan istilah ini dan mengakui kewujudannya di dalam al-Quran. (Muhammad Ahmad Khalafullah, 1999)

Justeru pendekatan yang digunakan oleh al-Quran ini, telah dieksplorasi oleh golongan yang tidak berniat baik untuk memastikan matlamat mereka tercapai. Mereka memberikan interpretasi lanjut berhubung perkara-perkara yang tiada perincinya ini tetapi dengan maklumat yang tidak tepat dan adakalanya salah atau tidak diketahui kebenaran atau kedustaannya.

Kesimpulannya al-Quran mempunyai kaedah-kaedah tersendiri dalam menyampaikan dan membentangkan kisah bergantung kepada objektif sesebuah kisah. Oleh itu, penekanan unsur penceritaan yang ada di dalam al-Quran, adalah berbeza-beza antara satu kisah dengan kisah yang lain. Justeru pendekatan yang digunakan oleh al-Quran ini, telah menyebabkan sebahagian ahli tafsir memasukkan perincian kisah-kisah yang disebut secara umum dengan cerita yang tidak pasti berhubung kesahihannya

5.0 Unsur-Unsur *al-Qasas* Dalam al-Quran

Antara mukjizat al-Quran yang paling jelas kepada bangsa Arab ialah dari aspek ketinggian bahasa dan kesusasteraan. Hal ini telah dibuktikan apabila cabaran Allah supaya membuktikan al-Quran itu ciptaan Nabi Muhammad SAW kepada golongan yang enggan beriman dengan al-Quran, tidak mampu disahut sekalipun oleh sasterawan agung mereka. *Al-Qasas* sebagai salah satu bentuk sastera di dalam al-Quran turut menekankan nilai-nilai

yang wujud dalam sesuatu cerita. Antara unsur-unsur penceritaan yang boleh kita dapat di dalam al-Quran ialah watak, latar dan dialog.

Walau bagaimanapun, penekanan kepada unsur-unsur ini tidak begitu ketara justeru al-Quran tidak mendetilkan cabang-cabang kepada perkara utama sebaliknya menekankan aspek pengajaran dan teladan. Hal ini disebabkan objektif utama al-Quran adalah untuk menyampaikan cerita sebagai pengajaran bukan untuk mengetahui siapa yang terlibat, di mana, atau kejadian terperinci dalam sesuatu peristiwa. Perkara ini amat bertepatan sekali dengan peranan al-Quran untuk memperbaiki akidah, menerangkan yang hak dan menghancurkan yang batil. Justeru kita tidak berjumpa di dalam al-Quran tarikh kejadian, nama tempat, bahkan di sesetengah keadaan nama individu yang terlibat juga tidak dinyatakan. (Al-Dhahabi, 1995)

Sebagai contoh, kisah Adam AS dan iblis disebut secara detil di dalam al-Quran menerusi surah al-Baqarah dan al-A'raf. Walau bagaimanapun, kita tidak berjumpa maklumat berhubung kedudukan syurga tempat Adam AS tinggal, begitu juga nama pokok yang dilarang didekati dan dimakan buahnya. Tidak terdapat juga keterangan berhubung Iblis menjelma ke dalam badan ular dan menyelinap masuk ke syurga untuk mempengaruhi Adam AS supaya makan buah yang dilarang serta tidak juga disebut tempat Adam AS dan isterinya dicampakkan selepas diusir dari syurga (Surah al-Baqarah (2) ayat 30-37 dan Surah al-A'raf (7): 10-25).

Begitu juga dengan kisah Nabi Yusuf AS sebagaimana yang diceritakan di dalam al-Quran menerusi surah Yusuf, tidak disebut nama adik-beradiknya yang berjumlah dua belas orang, nama keluarga mereka dan lanjutan peristiwa setelah kejayaan baginda AS membawa semua ahli keluarganya ke Mesir (Surah Yusuf (12): 1-100).

Perkara yang sama juga boleh dilihat menerusi kisah Nabi Yunus AS yang disebut di dalam al-Quran, tidak dinyatakan secara terperinci, peristiwa baginda AS melarikan diri dari kaumnya dan ujian Allah SWT kepada baginda AS (Surah Yunus (10): 98 dan Surah al-Anbiya' (21): 87-88).

6.0 Kepentingan *Al-Qasas* Dalam al-Quran

Al-Qasas mempunyai kepentingan dalam penyebutannya di dalam al-Quran. Manna' Qattan dalam menjelaskan perkara ini menyatakan bahawa sesuatu peristiwa yang ada korelasinya dengan sebab dan akibat akan segera menarik perhatian pendengar berbanding suatu kisah yang dibentangkan tanpa mementingkan mesej di sebalik kisah tersebut. Akasnya, suatu kisah yang ada korelasinya dengan kehidupan insan dan jelas objektifnya akan terus mampu menambat hati pendengarnya dengan penuh perhatian dan perasaan. (Manna' Qattan, 1997)

Sesuatu yang tidak dapat kita nafikan ialah kisah-kisah al-Quran mempunyai banyak aspek-aspek nilai yang terbentuk dari akar agama yang di dalamnya terkandung suruhan-suruhan dan larangan-larangan dalam kehidupan insan. Antaranya termasuklah prinsip-prinsip akidah, ibadah dan akhlak. Antara kepentingan *al-Qasas* ialah:

1. Menjelaskan asas-asas dakwah kepada Allah SWT. dan asas-asas perundangan. Firman Allah SWT.:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا نُوحَىٰ إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا
أَنَّا فَاعْبُدُونَ ﴿٢٥﴾

Ertinya: Dan Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: "Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlah kamu kepadaKu".

Surah al-Anbiya' (21): 25

2. Menetapkan hati Rasulullah SAW. dan umat Baginda SAW. Firman Allah SWT:

وَكُلُّا نَعْصُ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْرُّسُلِ مَا نُشِّئُ بِهِ فُؤَادُكَ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ
الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذُكْرٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾

Ertinya: Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman.

Surah Hud (11): 120

3. Membenarkan nabi-nabi terdahulu dan menghidup serta menyegarkan ingatan terhadap mereka.
4. Menzahirkan kebenaran Nabi Muhammad SAW dalam perkhabarannya berhubung umat terdahulu.
5. Menentang hujah ahli kitab terhadap keterangan dan petunjuk yang mereka sembunyikan dan mencabar mereka dengan apa yang ada dalam kitab mereka sebelum diseleweng dan dipinda. Firman Allah SWT:


* كُلُّ الْطَّعَامِ كَانَ حَلَالًا لِبَنِي إِسْرَائِيلَ إِلَّا مَا حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَىٰ نَفْسِهِ
مِنْ قَبْلِ أَنْ شَرَرَ الْتُّورَةُ فُلْ فَأَتُوا بِالْتُّورَةِ فَاتَّلُوْهَا إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِينَ ﴿٤٣﴾

Ertinya: Segala jenis makanan dahulu adalah halal bagi Bani Israil, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israil (Nabi Yaakub) kepada dirinya sendiri sebelum diturunkan Kitab Taurat. Katakanlah (wahai Muhammad): "(Jika ada makanan yang diharamkan kepada kamu - wahai Bani Israil - sebelum Kitab Taurat diturunkan) maka bawalah kamu Kitab Taurat itu kemudian bacalah akan dia, kalau betul kamu orang-orang yang benar.

Surah Ali Imran (3): 93

6. *Al-Qasas* merupakan satu bentuk sastera yang meresap pendengaran dan mengesani jiwa. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرٌ لَا يُؤْلِي إِلَّا بَيْبِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِنْ
تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ



Ertinya: Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengisahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.

Surah Yusuf (12): 111

7.0 Rahsia Di Sebalik Pengulangan *Al-Qasas*

Keajaiban al-Quran tidak terbatas kepada cerita yang disampaikan bahkan ia merangkumi metode penceritaan itu sendiri. Justeru al-Quran dalam menyampaikan sesebuah cerita, kadangkala akan membuat pengulangan kepada cerita tersebut. Metode ini bukanlah sengaja digunakan oleh Allah SWT. disebabkan oleh kekurangan bahan penceritaan atau dengan kata lainnya kehabisan modal.

Akan tetapi, setiap cerita yang diulang adalah berbeza dari segi fungsinya antara satu sama lain meskipun setiap satunya tidak wujud pertentangan dari segi isi ceritanya. Ini kerana, sekalipun al-Quran diturunkan dengan satu tujuan iaitu sebagai pengajaran, teladan dan motivasi kepada hati dan akal manusia, tetapi uslub yang digunakan adalah berbeza antara suatu tempat letak cerita (ayat) dengan yang lain. Berkemungkinan dalam satu cerita penekanannya adalah dari segi *i'jaz* (penerangan) dan *itnab* (kelampauan), manakala dalam cerita yang sama tetapi dalam ayat yang berlainan penekanannya adalah mengenai makna dan pengajaran. Metode ini akan membuat orang yang berdampingan dengan al-Quran tidak akan merasa jemu dan penat untuk mengulangi *tadabburnya* terhadap al-Quran. (Muhammad Rasyid Reda, 1959)

Al-Syahid Sayyid Qutb dalam mengulas mengenai metode *pengulangan qasas al-Quran* ini, menyatakan ramai orang menyangka bahwa terdapat pengulangan di dalam *qasas al-Quran* disebabkan kisah yang sama disebut kembali dalam surah-surah lain, tetapi jika diteliti di sebalik pengulangan kisah tersebut, ia bukan sekadar pengulangan bahkan ia membawa suatu mesej baru yang menenggelamkan hakikat pengulangan tersebut. (Sayyid Qutb, 1986)

8.0 Penutup

Kesimpulannya, keistimewaan cerita dalam al-Quran bukan terletak pada watak atau plot atau latarnya tetapi nilainya adalah pada ketinggian dan kemuliaan matlamatnya. Rangkuman aspek-aspek akhlak yang cukup luas dengan nilai-nilai adab dan hikmah serta pengajaran sesekali diselang-seli dengan unsur-unsur ancaman dan peringatan begitu meruntun jiwa. Justeru faedah paling penting dalam *qasas* al-Quran ialah mengambil perhatian dan

pengajaran terhadap sunnah Allah kepada insan dan kesan amalan baik dan buruk dalam kehidupan mereka.

Rujukan

1. ‘Afif ‘Abd al-Fattah Tabbarah. (1989). *Ma’ al-‘Anbiya’ Fi al-‘Quran al-Karim, Qasasun Wa Durusun Wa ‘Ibarun Min Hayatihim*. C. 17. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayiyyin.
2. Abd al-Karim al-Khatib. (t.t.). *al-Qasas al-Qur’an fi Mantuqih*. Kaherah: Matba’at al-Madani.
3. Ahmad Ibn Taymiyyah. (t.t.), *Majmu’ Fatawa*. J. 17. T.T.P: T.P.
4. Al-‘Ak, Khalid Abd al-Rahman. 1994. *Usul al-Tafsir wa Qawa’iduhu*. C. 3. Beirut: Dar al-Nafa’is.
5. Al-‘Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn ibn Muhammad. (1961). *al-Mufradat fi Gharib al-Qur’an*. J. 1. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
6. Al-Dhahabi Muhammad Hussayn, Dr. (1995). *Al-Tafsir wa al-Mufassirun*, C. 6. Kaerah: Maktabah Wahbah
7. Ibn Khaldun. (1995). *Al-Muqaddimah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
8. Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram al-Ansari. (1997). *Lisan al-Arab*. J. 11. C. 2. Beirut-Lubnan: Dar Ihya’ al-Turath-Muassasat al-Tarikh al-‘Arabiyy.
9. Ibrahim ‘Awday. (1990). *Al-Bayan al-Qasasi fi al-Qur’an al-Karim*. C. 2. Riyad: Mu’assasat Dar a-Salah.
10. Al-Ghazali, 1990. *Jawahir al-Qur’an*. Beirut: Dar Ihya al-Ulum.
11. Manna’ Qattan (1997), *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Riyad: Maktabah al-Ma’arif.
12. Muhammad Ahmad Khalafullah, (1999), *Al-Fann al-Qasas fi al-Quran-al-Karim*. London-Beirut-Cairo: Sina li al-Nasyr wa al-Intisyar al-‘Arabi.
13. Muhammad Rashid Reda, (1959), *Tafsir al-Manar*, j. 8. Kaherah: Matba’at al-Hajari.
14. Salah al-Khalidi, Dr. (1998). *Al-Qasas al-Qur’aniy ‘Ardu Waqa’i’ a wa Tahlili Ahdath*. J. 1. Damsyiq: Dar al-Qalam.
15. Sayyid Qutb. (1986). *Fi Zilal al-Qur’an*. J. 1. T.T.P: Dar al-‘Ulum.